

BAB 4

GARIS PANDUAN KERJA SELAMAT DALAM MAKMAL

"Kerajaan telah memperkenalkan garis panduan untuk keselamatan dan kesihatan pekerja dalam Makmal Pergigian yang menggariskan langkah-langkah kritikal yang perlu dipatuhi. Garis panduan tersebut telah menyenaraikan fasilitas asas serta peralatan yang diperlukan bagi menentukan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam Makmal Pergigian. Juruteknik Pergigian seperti lain-lain pakar penjagaan kesihatan adalah terdedah kepada hazard dan risiko kesihatan di tempat kerja. Terdapat 1,048 Juruteknik Pergigian yang berkhidmat di bawah penyeliaan 2,392 Doktor Pergigian samada dalam sektor awam atau swasta. Nisbah menunjukkan satu Juruteknik Pergigian bagi tiap-tiap 23,258 rakyat Malaysia. Nisbah ini adalah tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan Negara maju.

(Chua Jui Meng, The Star, 8 September 2003)

Am

Pekerja makmal atau mereka yang ditugaskan melaksanakan kerja dalam makmal akan bekerja samada secara individu atau secara kumpulan pada masa yang ditetapkan ataupun ketika luar dari masa kerja. Penyelia Makmal atau Ketua Makmal yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk membuat giliran tugas dalam makmal. Beliau juga akan menentukan tugas dalam makmal dan lain-lain keperluan khas jika berkenaan bagi kerja dalam makmal.

Mereka yang bekerja dalam makmal terutamanya mereka yang terlibat dengan penggunaan bahan kimia adalah terdedah kepada berbagai *hazard* seperti yang telah diutarakan dalam bab-bab terdahulu. Perlu diingatkan bahawa, semua bahan kimia adalah berbahaya dan perlu dikendalikan dengan teratur.

Untuk menentukan keselamatan kepada pekerja di tempat kerja, maka perlu diadakan prosedur dalam pengurusan bahan kimia.

Garis Panduan Kerja Selamat Dalam Makmal

Tujuan garis panduan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan menggalakkan amalan kerja selamat dalam makmal. Perlu diingatkan bahawa panduan ini merupakan satu sumber rujukan untuk membantu dan mengingatkan mereka yang akan bekerja dalam makmal berkenaan tatacara yang boleh dilaksanakan bagi mewujudkan keadaan selamat dan kondusif dalam makmal.

Garis panduan ini juga boleh dijadikan panduan kepada mereka yang akan mengendalikan kerja-kerja dalam makmal secara sambilan seperti ahli akademik atau pelajar untuk melaksanakan kajian-kajian tertentu, proses belajar dan pembelajaran dan lain-lain aktiviti. Walaupun begitu, terdapat beberapa keadaan iaitu tidak terdapat garis panduan dalam buku ini kerana peralatan tersebut adalah khas dan spesifik kepada makmal tertentu. Dalam situasi ini, disarankan agar mereka yang berkenaan mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan makmal sebelum memulakan kerja-kerja dalam makmal.

Kesedaran dan Pemerhatian

Setiap pekerja makmal harus berpengetahuan dalam melaksanakan tugas mereka. Mereka harus peka dan sentiasa bersedia menghadapi kemungkinan berlaku kemalangan di tempat kerja. Perancangan perlu ada sebelum memulakan kerja dalam makmal dengan memberi perhatian kepada aspek-aspek berikut:
